

23 NOV 2001

MAJLIS TAHLIL DIADAKAN SELEPAS SOLAT JUMAAT

KUALA LUMPUR, 23 Nov (Bernama) -- Masjid-masjid di sekitar ibu kota mengadakan majlis tahlil untuk Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah selepas solat Jumaat hari ini.

Timbalan Yang di-Pertuan Agong Sultan Mizan Zainal Abidin yang menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid Wilayah Persekutuan, Jalan Duta di sini turut bertahlil di masjid itu.

Sementara itu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi adalah antara jemaah yang turut bersembahyang Jumaat dan mengambil bahagian dalam majlis tahlil di Masjid Putra di Putrajaya.

Masjid Pusat Latihan Polis (Pulapol) di Jalan Semarak di sini turut mengadakan majlis tahlil yang serupa.

-- BERNAMA
AFY AHH RHM